

Haramkan buku *Saya Adalah Mahafiraun* 16

6 NOV 1999

KUALA TERENGGANG
5 Nov. — Gerakan Belia
4B kawasan Kemaman
meminta Kementerian
Dalam Negeri mengha-
ramkan segera buku poli-
tik bertajuk *Saya Adalah
Mahafiraun* karya penu-
lis Mohd. Sayuti Omar.

Buku tulisan penulis
politik yang rapat dengan
bekas Timbalan Perdana
Menteri, Datuk Seri An-
war Ibrahim itu mengkri-
tik habis-habisan Perda-
na Menteri, Datuk Seri
Dr. Mahathir Mohamad.

Pengerusinya, Mustafa
Abdul Rahman berkata,
pihaknya juga mendesak
Pengerusi Jawatankuasa
Menangani Fitnah Majlis
Tertinggi UMNO, Datuk
Paduka Ibrahim Ali supa-
ya menjalankan siasatan
dan mendakwa penulis
tersebut ke muka penga-
dilan.

Beliau berkata, desak-
an ini dibuat berdasarkan
motif penulis itu cuba
mengaibkan Perdana Me-

nteri yang juga penaung
Gerakan Belia 4B.

“Selain itu, buku terse-
but tidak sepatutnya ber-
ada di pasaran kerana
dikhuatiri akan mempe-
ngaruhi pembaca khas-
nya belia dan seterusnya
membantutkan usaha ke-
rajaan untuk melahirkan
belia berwawasan.

“Inti pati buku ini turut
menghina dan melanggar
adat resam Melayu serta
agama Islam,” katanya
dalam satu kenyataan
yang dikeluarkan di sini
hari ini.

Menurut beliau, adalah
tidak wajar bagi seorang
penulis yang menganut
agama Islam mengang-
gap Perdana Menteri se-
bagai mahafiraun dan
mahazalim.

Katanya, ini tidak se-
patutnya berlaku kerana
jasa Dr. Mahathir amat
besar kepada rakyat ne-
gara ini.